

# **MASALAH PELAKSANAAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DALAM KALANGAN PENSYARAH INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS DATO' RAZALI ISMAIL**

Azman Jusoh, PhD  
Rosli Ab Rahman, PhD  
Fouziah Mohd, PhD  
Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail, Kuala Nerus  
[azmankdri@ipgm.edu.my](mailto:azmankdri@ipgm.edu.my)

## **Abstrak**

*Kajian ini dilakukan untuk meninjau masalah pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam kalangan pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail, Kuala Nerus, Terengganu (IPG KDRI). Reka bentuk kajian ialah kajian kualitatif. Responden kajian terdiri daripada 43 orang pensyarah IPG Kampus Dato' Razali Ismail, Kuala Nerus, Terengganu. Tempoh masa kajian ini ialah selama sembilan bulan mulai Februari 2018 hingga Oktober 2018. Instrumen kajian yang digunakan ialah temu bual berstruktur. Transkrip temu bual dianalisis melalui analisis bertema. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan responden bersetuju bahawa mereka melaksanakan pedagogi KBAT dalam PdP. Masalah yang dihadapi oleh pensyarah IPG KDRI dalam melaksanakan PdP berasaskan KBAT ialah minat pelajar kurang kepada kurikulum yang diajar, ramai pelajar kurang faham mengenai KBAT, dan ramai pelajar yang tidak faham tugas yang berunsurkan KBAT. Sementara, pensyarah pula tidak mempunyai cukup masa untuk mempelbagaikan aktiviti KBAT dan capaian internet yang lemah dan mengecewakan. Keseluruhannya, 15% daripada responden menyatakan mereka tidak mempunyai masalah dalam melaksanakan PdP berasaskan KBAT dengan alasannya ialah pelajar telah mempunyai latar belakang dalam i-think.*

*Kata kunci: KBAT, SPSS, pedagogi, i-Think, PdP.*

## **Pengenalan**

Dalam rangka Tindakan Pendidikan Awal yang telah dinyatakan oleh Perdana Menteri, pelajar perlu dilengkapi dengan kemahiran berfikir aras tinggi supaya mampu bersaing dengan yang terbaik di peringkat antarabangsa. Menurut Sarimah (2008) rakyat Malaysia perlu memiliki ilmu dan kemahiran untuk bersaing dengan negara maju yang lain. Kepentingan kreativiti dalam membangunkan masyarakat dan negara telah lama disedari (Storm & Storm, 2002). Para sarjana menyatakan bahawa kreativiti sangat diperlukan untuk kelangsungan hidup penduduk di dalam era globalisasi iaitu perubahan, cabaran, dan persaingan sedang dan akan terus berlaku. Perdana Menteri Malaysia, Tun Mahathir Mohamad berpendapat bahawa generasi pewaris yang hidup dalam abad ke-21 perlu berfikiran kreatif dan kritis di samping bersifat kaya maklumat serta maju dalam bidang sains dan teknologi.

Oleh itu, menjelang abad ke-21, transformasi kurikulum pendidikan dalam PPPM 2013 - 2025 diperkenalkan sebagai satu inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk

membentuk kecemerlangan minda murid agar mereka mampu bersaing dengan negara-negara maju. Melalui pelan transformasi pendidikan telah berlaku satu gerakan reformasi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah yang menuntut agar ilmu yang disampaikan bukan sahaja lebih menarik, tetapi efektif dan bermakna. Melalui transformasi ini juga murid telah diperkenalkan dengan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam sistem pendidikan yang bertujuan melahirkan generasi yang berkeupayaan dan mampu berfikir secara kritis dan kreatif pada aras tinggi (Arfah, Fadzilah & Rohizani, 2014 dan 2016).

Menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015, pihak kerajaan memberikan penekanan kepada usaha untuk meningkatkan kemahiran berfikir dalam usaha untuk memantapkan sistem pendidikan negara. Setiap pelajar perlu mempunyai semangat ingin tahu dan berusaha untuk mendapatkan pengetahuan sepanjang hayat (KPM, 2013). Bagi merealisasikan aspirasi ini, guru bukan sahaja memainkan peranan sebagai penyampai ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar, malahan bertanggungjawab menyuburkan minat, mengembangkan bakat dan kebolehan pelajar-pelajar. Guru sebagai sumber inspirasi kepada para pelajar perlu membina daya pemikiran yang analitikal, kritikal dan kreatif bagi membentuk individu yang boleh menyesuaikan diri dengan perubahan semasa selaras dengan hala tuju sistem pendidikan. Rentetan daripada itu, pensyarah institut pendidikan guru selaku insan yang mendidik bakal guru seharusnya juga mengamalkan KBAT dalam PdP mereka agar dapat menjadi teladan kepada bakal guru.

## **Pernyataan Masalah**

Kemahiran berfikir bukanlah suatu yang baharu dalam sistem pendidikan di Malaysia. Sejak tahun 1994, program kemahiran berfikir kreatif dan kritis (KBKK) telah diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Pelbagai jenis alat berfikir juga turut diperkenalkan kepada guru-guru sebagai satu usaha untuk menjayakan program KBKK serta merealisasikan hasrat KPM untuk melahirkan murid yang berfikir.

Walau bagaimanapun, kajian mendapati bahawa guru-guru kurang mengaplikasikan kemahiran berfikir dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), sebaliknya fokus pengajaran lebih berpusatkan guru dan juga peperiksaan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Kebanyakan guru bahasa lebih suka mengeluarkan kembali apa yang terdapat dalam buku teks untuk mengajar pelajar (Noor Azlan, 2010). Malah, PdP dalam bilik darjah secara keseluruhannya masih lagi berpusatkan guru dan pelajar hanya menjadi pendengar yang setia. (Agness Voo, 2012). Guru hanya membincangkan penyelesaiannya di papan tulis dan pelajar akan menyalin jawapan yang diberikan. Situasi pelajar yang pasif ini sememangnya tidak mampu untuk menghasilkan organisasi bagi perkembangan pemikiran kritis dan kreatif (Marzona et. al, 2008).

Manakala, kemahiran berfikir aras tinggi ini penting untuk meningkatkan keupayaan bagi menangani masalah agar kita dapat mengawal, menentukan arah dan mengukur kemajuan tindakan. Malah kita juga dapat menggunakan pengetahuan yang telah dipelajari dengan lebih produktif iaitu menggunakan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang terurus dalam kehidupan. Dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun dan berhasrat untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020, keperluan kepada kreativiti rakyatnya adalah lebih mendesak. Pendidik perlu menekankan keperluan untuk mengintegrasikan kemahiran berfikir di dalam kurikulum di peringkat pengajian tinggi. Jadi, adalah penting bagi seseorang

graduan untuk memperolehi kemahiran berfikir untuk menjadi pemimpin yang efektif. Oleh itu, proses PdP menjadi satu kepentingan untuk disebatkan dengan kemahiran berfikir aras tinggi. Para pendidik perlu sedar bahawa dalam usaha negara menghadapi masa depan yang penuh saingan, pendidikan adalah bersifat futuristik, maka kita hendaklah mampu menyediakan generasi muda kita untuk menjadi masyarakat industri, ekonomi yang global, kebanjiran teknologi tinggi dan sentiasa bertambah canggih, penggunaan komputer sebagai keperluan urusan harian dan limpahan maklumat sejagat.

Selain itu, penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam kalangan murid juga masih lemah (Rosnani, 2012) dan mereka kurang mengaplikasikan kemahiran berfikir dalam PdP (Rajendran, 2000). Sedangkan, matlamat utama pendidikan ialah untuk melahirkan individu yang berfikir secara kritis dan kreatif. Namun, situasi ini dapat dilakukan perubahan melalui penyediaan guru yang berkesan di dalam bilik darjah (Willen, 2012) . Kekangan di dalam pengaplikasian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) ini juga di sebabkan kaedah pengajaran yang berasaskan standard pengajaran secara tradisional (Tajul Ariffin, 2010). Berdasarkan masalah-masalah tersebut, kajian perlu dilakukan untuk meninjau pengetahuan, pemahaman dan pengamalan KBAT dalam kalangan pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail, Kuala Nerus, Terengganu.

## **Objektif Kajian**

Objektif khusus kajian ini dilakukan adalah untuk menjelaskan masalah yang dihadapi oleh pensyarah IPG KDRI dalam pelaksanaan KBAT .

## **Persoalan Kajian**

Kajian ini dilakukan untuk menjawab persoalan kajian iaitu:

1. Apakah masalah yang dihadapi oleh pensyarah IPG KDRI dalam pelaksanaan KBAT?

## **Batasan Kajian**

### **Fokus Kajian**

Kajian ini hanya memfokuskan masalah pelaksanaan KBAT dalam kalangan pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail, Kuala Nerus, Terengganu.

### **Responden**

Jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini ialah 43 orang iaitu pensyarah akademik Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail, Kuala Nerus, Terengganu yang terdiri daripada pelbagai jabatan dan unit dan pelbagai gred dari DG41 hinggalah ke gred DG54 yang telah memberikan maklum balas dengan cara menjawab soalan temu bual secara berstruktur.

### **Tempoh Masa**

Tempoh masa kajian ini ialah selama sembilan bulan mulai Februari 2018 hingga Oktober 2018. Data dikutip selama dua bulan iaitu bermula Ogos dan September 2018.


### Lokasi Kajian

Lokasi kajian ialah di Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail, Kuala Nerus, Terengganu. IPG ini terletak 20 kilometer dari bandar Kuala Terengganu.

### Definisi Operasional Kajian

#### Amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Pada tahun 1959, Benjamin S. Bloom telah menyunting sebuah buku berjudul *Taxonomy of Education Objectives Book 1-Cognitive Domain* yang menyatakan objektif domain kognitif dikelaskan kepada enam komponen iaitu pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Enam komponen ini disusun mengikut hirarki daripada aras rendah kepada aras yang tinggi dan ia lebih dikenali sebagai Taksonomi Bloom. Taksonomi bermaksud satu set pengelasan yang disusun dan disesuaikan atas dasar yang konsisten (Bloom & Krathwohl, 1956). Dengan kata lain, taksonomi merupakan sistem pengelasan objektif pendidikan yang merupakan set yang didefinisikan dengan seberapa tepat yang mungkin serta disusun daripada konsep yang ringkas kepada yang kompleks (Md Sah et al., 2015). Objektif pendidikan disusun daripada konkrit kepada abstrak telah membekalkan satu rangka bagi para pendidik untuk membangunkan bahan kurikulum secara mendalam (Mansor, 2007) bagi menentukan tahap penguasaan pelajar mereka (Amer, 2006). Enam komponen yang dikemukakan oleh Benjamin S. Bloom diterangkan dengan lebih lanjut dalam jadual berikut:-



Rajah 1 : Piramid Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Bloom

Edward de Bono (2001) dalam buku *Belajar Berfikir* menyatakan bahawa berfikir ialah kemahiran manusia yang paling penting kerana manusia memerlukan pemikiran untuk

melaksanakan usaha, menyelesaikan masalah, mencari peluang, dan membuat perancangan untuk kemajuan. Menyadari kepentingan kuasa pemikiran dalam bidang pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengubah suai kurikulum sekolah dengan memantapkan kemahiran berfikir pada tahun 1994. Kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) telah menjadi kemahiran dan asas pemerolehan ilmu untuk semua mata pelajaran. KBKK telah diserap ke dalam semua subjek dan merentas kurikulum sekolah bagi mencapai objektif berkenaan.

KBAT merupakan keupayaan seseorang dalam mengaplikasi pengetahuan, kemahiran serta nilai dalam membuat penaaakulan mahupun refleksi untuk menyelesaikan sesuatu masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu yang baru (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2013). Menurut Suhaimi et al. (2014), asas kepada proses pembelajaran kognitif adalah menjana dan menyusun atur maklumat, kemahiran menganalisis, mensintesis serta proses kreativiti dan menilai. Dalam KBAT, terdapat empat aras dalam domain kognitif yang dikenal pasti iaitu : mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.

Beyer, B.K, (1991) mendefinisikan berfikir sebagai kebolehan manusia untuk membentuk konsep, memberi sebab, atau membuat penentuan. Menurut Nickerson, Perkins dan Smith, 1985, berfikir ialah satu koleksi kemahiran atau operasi mental yang digunakan oleh seseorang individu.

Menurut Othman (2010), KBAT adalah kemahiran berfikir yang menjurus kepada kebolehan membuat sintesis, menganalisis, memberi sebab, mengaplikasi dan menilai. Dalam konteks kajian ini, KBAT adalah merujuk kepada tiga aras KBAT iaitu aras menganalisis (analyze), menilai (evaluate) dan merekacipta (create) seperti yang terkandung dalam Taksonomi Anderson dan Krathwohl (Anderson & Krathwohl, 2001).

Rajendran (2014) menyatakan KBAT melibatkan kemahiran kognitif yang lebih tinggi. Ini berlaku apabila seseorang mendapat maklumat baharu, menyimpan dan memberi, menyusun, serta mengaitkannya dengan pengetahuan sedia ada dan akan memanjangkan maklumat itu untuk mencapai sesuatu tujuan atau penyelesaian situasi yang rumit. Oleh yang demikian, KBAT dalam kajian ini merujuk kepada KBAT dalam kalangan pensyarah IPG Kampus Dato' Razali Ismail untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas berdasarkan aras analisis, penilaian dan mencipta.

## **Tinjauan Literatur**

Kajian literatur menunjukkan bahawa kajian-kajian lepas tentang kemahiran berfikir telah dijalankan melibatkan subjek seperti Bahasa Melayu (Yahya Othman 2014; Siti Nurliyana 2015; Wan Nazira 2015; Nor Hasmaliza 2016; Nasyimah 2016), Sains (Marlina dan Shaharom 2010; Suhanna dan Zanaton 2015; Arni Yuzie 2016), Matematik (Sukiman et al. 2002), Sejarah (Rajendran 2003; Pushpalatha 2006), dan Pendidikan Islam (Sabri 2008; Nurul Nadirah 2014; Nur Aida 2016; dan Nor Hasmaliza (2016).

Kajian-kajian terdahulu mendapati penggunaan Peta Pemikiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) memberi kesan yang positif. Antaranya adalah kajian yang dilakukan oleh Daniel Long dan David Carlson (2011) telah mengkaji bagaimana Peta Pemikiran boleh digunakan oleh pelajar-pelajar untuk meluaskan kemahiran pemikiran kritikal dan meningkatkan

kefahaman terhadap isi kandungan subjek yang diajar. Data kajian dikumpul melalui tinjauan, pemerhatian dan pasca ujian yang telah dijalankan ke atas pelajar. Pelajar-pelajar telah diajar fungsi dan konstruk lapan Peta Pemikiran dengan betul dan menggalakkan mereka menggunakan berkali-kali setiap hari (Long & Carlson, 2011). Dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa apabila pelajar membina Peta Pemikiran, tahap kefahaman mereka terhadap kandungan pembelajaran adalah lebih baik berbanding pelajar yang menggunakan strategi tradisional dengan kaedah menyalin nota. Berdasarkan pemerhatian dan data yang dikumpul, pelajar yang menggunakan Peta Pemikiran didapati menunjukkan peningkatan dalam kemajuan akademik dengan mengambil kira pemikiran aras tinggi dan dapat menghubungkan kaitkan antara isi pembelajaran (Long & Carlson, 2011).

Roosevelt Elementary School Di Long Beach California melaksanakan Peta Pemikiran secara menyeluruh di sekolah (Holzman, 2004; Hyerle, 2009). Pengetua sekolah tersebut iaitu Stefanie Holzman, menyatakan Peta Pemikiran yang digunakan secara menyeluruh di sekolah dapat meningkatkan pencapaian pelajar dengan berkesan. Beliau percaya Peta Pemikiran sangat penting dan sangat memberi kesan kepada pencapaian sekolahnya (Holzman, 2004; Hyerle, 2009). Peta Pemikiran telah menjadi keperluan utama untuk meningkatkan tahap pemikiran yang merentasi keseluruhan sekolah dan menjadi jambatan antara bahasa Spanish dan bahasa Inggeris bagi pelajar-pelajar di sekolahnya.

Menurut Noor Rohana (2004), antara punca yang menyebabkan kemerosotan pencapaian pelajar adalah disebabkan kemahiran berfikir kurang dititikberatkan dalam proses PdP. Pendapat ini disokong oleh kajian yang dibuat oleh Rohaida dan Zamri (2015) yang mendapati bahawa penggunaan kaedah yang konvensional dalam PdP kurang berkesan dalam meningkatkan hasil penulisan esei pelajar. Para pelajar masih dibelenggu dengan cara pengajaran tradisional iaitu pelajar hanya menerima nota daripada guru tanpa terlibat aktif dalam pembelajaran. Mereka hanya diminta untuk menyalin contoh karangan dan tidak pernah berfikir sendiri untuk menyatakan idea atau olahan sesuatu karangan.

Pelajar perlu dilatih atau dilengkapi dengan kemahiran menganalisis, menilai dan menggunakan maklumat untuk membina pemahaman baru (Marien, Vislocky dan Chapman, 2001) dan menjana pengetahuan baru (Morrison dan Lowther, 2001). Menurut Noor Rohana (2004), antara punca yang menyebabkan kemerosotan pencapaian pelajar adalah disebabkan kemahiran berfikir kurang dititikberatkan dalam proses PdP. Pendapat ini disokong oleh kajian yang dibuat oleh Rohaida dan Zamri (2015) yang mendapati bahawa penggunaan kaedah konvensional dalam PdP kurang berkesan dalam meningkatkan hasil penulisan esei pelajar.

Kajian oleh Linawati @ Lina Adiman (2017) mendapati dapatan kajian yang diperolehi bahawa para pelajar menggunakan kaedah peta pemikiran *i-Think* dapat meningkatkan pengajaran dan pemudahcara guru di dalam kelas berbanding menggunakan kaedah yang konvensional, dapat menarik minat pelajar untuk belajar dan memberikan kesan yang terbaik kepada pelajar dalam membudayakan kemahiran berfikir secara kritis.

Menurut Mohd Muhsinul (2006) amalan ditakrifkan sebagai mengamalkan sesuatu perkara yang dipelajari dan diketahui dengan kesungguhan hati dan melaksanakannya dengan betul dan

sempurna. Dalam konteks keguruan, profesionalisme seorang guru turut dinilai dari aspek sikap yang berkait rapat dengan amalan yang dipamerkan (Esah 2003; Ismail 2003). Menurut Kamarudin (2010), sikap seseorang sama ada positif mahupun negatif adalah dipamerkan melalui amalan atau perbuatan yang dijangka berubah sesuai dengan fungsi dan pengalaman. Kajian yang dibuat oleh Nor Azura (2008), menunjukkan bahawa penggunaan unsur grafik melalui penggunaan peta pemikiran *i-Think* dapat menarik minat dan perhatian pelajar.

Menurut Sulaiman et al. (2011) antara alat berfikir yang berfungsi untuk pembelajaran dalam meningkatkan kemahiran berfikir adalah soalan dan penyoalan, pengurusan grafik (pg), peta konsep, *six thinking hats*, peta minda buzan (pmb), alat *cort* atau *cognitive research trust* dan lain-lain. Alat-alat berfikir ini diperkenalkan bagi membantu pelajar untuk berfikir dan membuat penaaakulan. Namun, peta pemikiran *i-Think* adalah alat berfikir yang sangat popular dan amat berguna dalam kehidupan harian mahupun akademik (Buzan 2005a).

Zamri dan Nor Razah (2011) menyatakan soalan-soalan yang digunakan oleh guru dan tugas yang diberikan adalah untuk membantu membina pemahaman pelajar. Namun, masih terdapat guru yang tidak menguasai kemahiran berfikir dengan baik walaupun perkara tersebut telah lama dilaksanakan dalam Sistem Pendidikan Malaysia. Menurut Nor Razah (2006) yang mendapati bahawa majoriti guru Bahasa Melayu masih kabur tentang kaedah menerapkan unsur kemahiran berfikir dalam PdP walaupun dalam kalangan mereka ada yang telah diberikan pendedahan secara formal tentang KBKK melalui kursus yang dianjurkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) atau pun kursus dalaman oleh pihak sekolah.

Kajian oleh Yahya (2003) ini menunjukkan ada unsur persamaan dengan dapatan yang menunjukkan aspek kefahaman konsep kemahiran berfikir dalam kalangan guru berada pada tahap yang tinggi. Berdasarkan kajian beliau menunjukkan guru-guru Bahasa Melayu menyatakan bahawa masih wujud masalah kefahaman konsep dalam kalangan guru untuk menterjemahkan kemahiran berfikir dalam pengajaran Bahasa Melayu. Bagi menjamin keberkesanan pengajaran, guru-guru Bahasa Melayu perlu memahami konsep Kemahiran berfikir secara mendalam. Hal ini disokong oleh kajian Zamri (2014), menyatakan bahawa kejayaan dan kecemerlangan dalam sesuatu subjek tidak akan menjadi kenyataan sekiranya pengajaran guru masih menggunakan kaedah tradisional dan tidak mengira aspek kemahiran berfikir yang dilihat banyak mempengaruhi pencapaian pelajar. Zamri (2014) menyatakan amalan pengajaran di dalam bilik darjah kurang menekankan strategi kemahiran berfikir seperti kaedah penyoalan, perbincangan dan inkuiri penemuan.

Kajian Wan Fatimah (2000), mendapati bahawa guru-guru tidak mengajar pelajar menguasai kemahiran mencari, memahami, menganalisis dan menggunakan maklumat. Kajian Siti Zubaidah (2006) pula mendapati guru Bahasa Melayu masih belum dapat menyebatkan kemahiran berfikir dalam proses PdP. Pendapat ini disokong oleh kajian Sharifah Nor (2012) yang menyatakan bahawa kemahiran berfikir guru Bahasa Melayu masih berada pada tahap penggunaan mekanikal dalam belum diserap secara langsung. Hasil analisis keperluan menunjukkan bahawa kemahiran berfikir dalam kalangan guru dan pelajar berada pada tahap rendah (BPK 2012).

Kajian Abdul Hadi (2012), mendapati bahawa guru kurang mengamalkan kemahiran berfikir dalam aktiviti PdP mereka. PdP yang berlaku di sekolah adalah bersifat *reproduction*, iaitu

mengeluarkan semula apa yang telah dipelajari tanpa menggalakkan pelajar berfikir. Dapatan daripada UNESCO (2011) pula menunjukkan guru-guru mengajar hanya untuk memenuhi keperluan peperiksaan. Menurut Rajendran (2001), didapati respons guru-guru berbeza secara signifikan dan persepsi mereka dari segi ilmu pengetahuan yang dimiliki untuk mengajarkan Bahasa Melayu berbanding dengan ilmu pengetahuan lain berhubung dengan kemahiran berfikir.

Menurut Datnow (2006) pula, usaha yang berterusan untuk meningkatkan tahap pendidikan penting kerana perubahan terhadap cara atau teknik pengajaran yang betul memerlukan masa dan komitmen yang tinggi. Menurut Saemah dan Zamri (2017), dalam merancang dan melaksanakan kurikulum, tumpuan perlu diberikan dalam usaha untuk mengembangkan kemahiran berfikir dan kemahiran belajar bagi membolehkan pelajar mampu membuat keputusan dan menyelesaikan masalah secara rasional dalam menghadapi cabaran hidup yang semakin kompleks.

Di sekolah, penerapan kemahiran berfikir kritis melalui penggunaan peta pemikiran *i-Thinks* dalam pengajaran dikaitkan sebagai satu proses menggunakan minda sama ada mencari makna dan pemahaman terhadap sesuatu, membuat pertimbangan dan keputusan, atau menyelesaikan masalah (Sharifah Nor Puteh, Nor Adibah Ghazali, Mohd Mahzan Tamyis & Aliza Ali, 2012 & Rosnani Hashim, 2012). Hal ini demikian kerana kemahiran berfikir dan strategi berfikir memerlukan penggunaan strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang terancang agar dapat mengembangkan minda pelajar. Namun begitu, menerusi penerapan kemahiran berfikir sedia ada, dapatan kajian jelas membuktikan bahawa pelajar dilihat hanya berupaya untuk melahirkan idea-idea konseptual berbanding idea-idea praktikal (Mohd Azhar Abd Hamid, Sanitah Mohd. Yusuf, Esa Khalid & Othman A. Kassim, 2003), cenderung untuk memilih soalan beraras rendah yang pada pandangan mereka ternyata lebih selamat semasa menduduki peperiksaan awam berbanding soalan-soalan berbentuk fakta, analisis, komen serta penghuraian logik yang memerlukan pemikiran kritis dan analitis (Noor Rohana Mansor, 2009a & 2009b).

## **Metodologi**

Reka bentuk  
Kajian kualitatif.

Responden Kajian  
Jumlah responden yang terlibat dalam kajian ialah 43 orang pensyarah IPG Kampus Dato' Razali Ismail, Kuala Nerus, Terengganu yang terdiri daripada pelbagai gred iaitu dari DG 44 hingga ke DG 54.

Instrumen Kajian  
Soalan temu bual berstruktur.

Kaedah pengumpulan data  
Soalan protokol temu bual berstruktur telah disediakan lebih awal oleh pengkaji untuk dikemukakan kepada responden yang terlibat.



## Kaedah analisis data

Analisis data temu bual berstruktur telah dilakukan secara manual. Transkrip temu bual telah dianalisis secara manual berdasarkan tema.

## Dapatan Kajian

Berdasarkan protokol temu bual, berikut adalah dapatan daripada temu bual secara berstruktur:

Masalah yang Dihadapi oleh Pensyarah IPG KDRI dalam Melaksanakan PdP Berasaskan KBAT?

Masalah yang dihadapi oleh pensyarah IPG KDRI dalam melaksanakan PdP berasaskan KBAT dibahagikan kepada beberapa subtema berasaskan iaitu minat pelajar, kefahaman pelajar, kreativiti pelajar, keyakinan pelajar, pengetahuan pelajar, kekangan masa, dan sumber sokongan.

### Minat Pelajar

- i. Minat pelajar kurang kepada kurikulum yang diajar.
- ii. Pelajar masih kurang peka khususnya berkaitan dengan isu-isu semasa

### Kefahaman Pelajar

- i. Pelajar kurang faham mengenai KBAT.
- ii. Ramai pelajar tidak faham tugas yang berunsurkan KBAT.
- iii. Pemahaman pelajar tentang konsep KBAT masih minimum.
- iv. Pelajar kurang berpengetahuan secara ilmiah dan kurang pengalaman secara visual.
- v. Tahap penguasaan pelajar kepada soalan dan penilaian KBAT berbeza-beza.
- vi. Pelajar memerlukan masa yang lebih untuk memahami dan melaksanakan sesuatu aktiviti/program

### Kreativiti Pelajar

- i. Pelajar kurang kreativiti dan berinovasi.
- ii. Akses pelajar terhadap maklumat sebagai gagasan pemikiran mereka dalam menyatakan sesuatu isu secara kritis

### Keyakinan Pelajar

- i. Terdapat pelajar yang masih pasif/ kurang keyakinan untuk berkongsi idea secara sukarela.
- ii. Pelajar masih lagi terikat dengan cara penilaian yang tradisional

### Pengetahuan Pensyarah

- i. Tidak dapat membezakan kata kerja yang terdapat dalam Ringkasan Maklumat Kursus (RMK) asas pemahaman bagi melaksanakan KBAT dalam kurikulum.
- ii. Belum pernah berkursus/didedahkan tentang KBAT,

- iii. Aplikasi KBAT secara optimum & berkesan.
- iv. Keselarasan mencapai pemahaman dan penguasaan yang dilakukan oleh pensyarah diserap secara berbeza mengikut masa dan kaedah penerangan yang dilakukan pensyarah.
- v. Peralihan paradigma lama kepada yang baharu.

#### Kekangan Masa

- i. Tidak cukup masa untuk mempelbagaikan aktiviti KBAT.
- ii. Fasa PdP kadangkala tidak cukup untuk membolehkan tajuk-tajuk yang ditetapkan dalam RMK dipelajari secara menyeluruh.
- iii. Kekangan masa

#### Sumber Sokongan

- i. Bahan rujukan (primer & sekunder) di perpustakaan yang terhad
- ii. Talian internet yang perlahan.
- iii. Prasarana bilik kuliah yang kurang kondusif.
- iv. Kekurangan sumber.
- v. Kurangnya contoh kontekstual

### **Kesimpulan**

Berdasarkan dapatan kajian, 15% menyatakan tidak mempunyai masalah dalam melaksanakan PdP berasaskan KBAT. Hal ini disebabkan pelajar telah mempunyai latar belakang dalam i-think. KBAT adalah elemen penting dalam membina bangsa Malaysia yang cemerlang. Peranan pensyarah dan guru amat penting dalam membentuk pelajar yang cemerlang. Kajian Khairi (2000), menyatakan bahawa guru perlu meningkatkan kompetensi dengan mempelbagaikan kaedah dan pendekatan bagi meningkatkan kemahiran berfikir, namun masih terdapat ruang yang masih belum dikuasai oleh guru dalam usaha menggalakkan pelajar berfikir pada aras yang tinggi. Oleh itu tahap pengetahuan, pemahaman dan kemahiran KBAT dalam kalangan pensyarah institut pendidikan guru perlu ditingkatkan untuk membentuk bakal guru yang cemerlang.

### **Rujukan**

- Agensi Inovasi Malaysia. *Mengenai i-THINK*. (2012). [Online]: <http://www.ithinHomk.org.my/Bme/Index>. Dicapai pada 27 Januari 2014.
- Anderson, L. W. & Krathwohl D. R. Eds. (2001). *A Taxonomy for Learning, Teaching, and Assessing: A Revision of Bloom's Taxonomy of Educational Objectives*. New York: Longman.
- Arfah Ahamad, Fadzilah Amzah & Rohizani Yaakub (2014). "Program i-THINK menjana kemahiran berfikir abad ke-21". Dalam prosiding *Seminar Serantau Pendidikan Abad ke-21*. USM, pada 24 - 25 Mei 2014.

- Arfah Ahamad, Fadzilah Amzah dan Rohizani Yaakub. (2016). “Aplikasi Peta Bulatan dan Peta Alir Dalam Proses Mencipta Sajak.” Kertas kerja yang dibentangkan di *International Conference On Education & Psychology 2016 (ICEduPsy16)*. Anjuran Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah dengan kerjasama Universitas Borneo Tarakan, Kalimantan Timur, Indonesia pada 22 – 23 September 2016.
- Arfah Ahamad, Fadzilah Amzah & Rohizani Yaakub (2016a). “Aplikasi peta pokok dan peta buih berganda untuk menganalisis bentuk pantun: Satu tinjauan”. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar *International Conference on Education and Higher Order Thinking Skills 2016 in Conjunction with 2nd International Seminar on Science and Mathematics Education 2016*. UTM pada 11 – 13 April 2016.
- Cresswel, J.W. 2008. *Educational Research: Planning Conducting and evaluating Quantitative and Qualitative Research*. 3<sup>rd</sup> ed. Perason: Merill Prentice Hall.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Membudayakan Kemahiran Berfikir*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Othman, A.B. (2007). Quality Teachers for Today and Tomorrow. *Masalah Pendidikan*, 30(2): 169-173.
- Rosnani Hashim (2012). *Memenuhi Aspirasi Kemahiran Berfikir dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 menerusi inkuiri dan pedagogi filosofiyah dalam kalangan guru*. Kertas kerja yang telah dibentangkan di Persidangan Majlis Dekan Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia, pada 7-9 Oktober 2012
- Wahidah Binti Hj Abu Bakar (2011). *Keberkesanan konsep peta minda dalam pembelajaran berasaskan masalah*. Tesis Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional yang tidak diterbitkan. Universiti Tun Hussein Onn.
- Wan Roslina Wan Ismail, Abdul Rahim Othman dan Arfah Ahamad. (2017). “Tahap Pemahaman dan Pelaksanaan Peta Pemikiran i-Think Dalam Kalangan Guru-Guru Bahasa Melayu: Satu Tinjauan.” Kertas kerja yang dibentangkan di *Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan Zon Sabah 2017 (Speks 2017)*. Anjuran IPG Kampus Tawau, Sabah pada 30 – 31 Oktober 2017.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Membudayakan Kemahiran Berfikir*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Othman, A.B. (2007). Quality Teachers for Today and Tomorrow. *Masalah Pendidikan*, 30(2): 169-173.
- Rosnani Hashim (2012). *Memenuhi Aspirasi Kemahiran Berfikir dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 menerusi inkuiri dan pedagogi filosofiyah dalam kalangan guru*. Kertas kerja yang telah dibentangkan di Persidangan Majlis Dekan Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia, pada 7-9 Oktober 2012

Wahidah Binti Hj Abu Bakar (2011). *Keberkesanan konsep peta minda dalam pembelajaran berasaskan masalah*. Tesis Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional yang tidak diterbitkan. Universiti Tun Hussein Onn.

Wan Roslina Wan Ismail, Abdul Rahim Othman dan Arfah Ahamad. (2017). “Tahap Pemahaman dan Pelaksanaan Peta Pemikiran i-Think Dalam Kalangan Guru-Guru Bahasa Melayu: Satu Tinjauan.” Kertas kerja yang dibentangkan di *Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan Zon Sabah 2017 (Speks 2017)*. Anjuran IPG Kampus Tawau, Sabah pada 30 – 31 Oktober 20